

MSM laksana penghantaran pukal cerai gula bertapis



MSM Malaysia Holdings Berhad melaksanakan penghantaran gula bertapis secara pukal cerai dengan mengeksport 7,000 tan dari MSM Johor ke China. - GAMBAR HIASAN

KUALA LUMPUR 26 April - Anak syarikat FGV Holdings Berhad, MSM Malaysia Holdings Berhad melaksanakan penghantaran gula bertapis secara pukal cerai dengan mengeksport 7,000 tan dari MSM Johor ke China.

KUALA LUMPUR 26 April - Anak syarikat FGV Holdings Berhad, MSM Malaysia Holdings Berhad melaksanakan penghantaran gula bertapis secara pukal cerai dengan mengeksport 7,000 tan dari MSM Johor ke China.

Setelah beroperasi sepenuhnya pada November 2018, MSM Johor menyediakan kemudahan bagi MSM Group untuk menyokong permintaan domestik dan meningkatkan lagi jualan eksport pada harga kompetitif berasaskan kedudukannya yang strategik di Pelabuhan Tanjung Langsat.

MSM dalam kenyataannya berkata, MSM Johor juga dijangka menurunkan kos di seluruh rantai nilai memandangkan kemudahan pelabuhan yang strategik itu menyumbang kepada kecekapan kos selain mengurangkan tenaga kerja menerusi penggunaan mesin canggih berteknologi lebih baik serta sistem automasi sepenuhnya.

Iklan ditutup oleh Google

“Penghantaran pukal cerai dapat mengurangkan kos logistik kami memandangkan ia memerlukan kargo dihantar dalam bentuk unit tunggal seperti diletakkan di dalam peti kayu, bungkusan atau diikat pada pallet dengan gula bertapis kami dibawa dalam beg jumbo 1.5 tan yang memudahkan proses pemuatan.

“Selain itu, penghantaran pukal cerai juga membolehkan barangan memasuki pelabuhan yang tidak begitu dibangunkan secara terus kerana setengah-setengahnya tidak menyediakan kemudahan bagi kapal kontena besar,” menurutnya.

MSM berkata, operasi pukal cerai menerusi jeti Pelabuhan Tanjung Langsat melibatkan kerjasama antara MSM Johor dan FGV Transport Services Sdn. Bhd..

“MSM menyasar untuk mengeksport lebih 300,000 tan gula bertapis dan produk lain berkaitan gula yang berpotensi ke rantau Asia-Pasifik sejajar dengan Pelan Perniagaan 2019-2021 sebagai sebahagian keutamaan kami bagi mengekalkan kedudukan syarikat sebagai antara peneraju pasaran ke arah menjadi 10 pengeksport utama gula di dunia menjelang 2020.

"Bagaimanapun, MSM akan terus memilih pasaran eksportnya dengan menumpukan pasaran utama susulan cabaran dari segi harga ekor lambakan gula dunia," katanya. - BERNAMA

AGENCY: Utusan Malaysia (Online)

LINK: <http://www.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/msm-laksana-penghantaran-pukal-cerai-gula-bertapis-1.889707>